

# SOALAN STRUKTUR

Arahan: Jawab semua soalan.

## PENYALAHGUNAAN BAHAN

- A** Tentukan pernyataan berikut mengenai risiko penyalahgunaan bahan berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.

|                  |                   |               |                           |      |
|------------------|-------------------|---------------|---------------------------|------|
| Cadangan jawapan | Fizikal<br>Sosial | Janin<br>Otak | Saraf<br>Mental dan Emosi | Hati |
|------------------|-------------------|---------------|---------------------------|------|

CONTOH:  
JANIN

- Keadaan muka yang rata dan kelemahan pada sendi-sendi dan otot.
- Sukar menerima pelajaran, membentuk idea spontan, menumpukan fikiran dan membuat pertimbangan dengan teliti.
- Hilang kawalan diri dan pemikiran. Tidak berasa segan-silu untuk melakukan perkara di luar batasan di khalayak ramai.
- Hati akan mengalami kerosakan yang serius seperti sirosis hati yang boleh membawa maut.
- Menyebabkan kecenderungan mendapat pelbagai jenis penyakit seperti sindrom Wernicke Korsakoff dan seterusnya membawa kepada komplikasi psikiatri.
- Perut berasa sakit, kadangkala muntah dan cirit-birit sehingga menyebabkan berat badan terjejas.
- Bersikap pemaarah sehingga berlaku perpecahan, penderaan dan keganasan dalam keluarga.

- B** Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- \_\_\_\_\_ merupakan aspek penting untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan aktiviti penyalahgunaan bahan.
- Pembentukan \_\_\_\_\_ amat penting agar sentiasa dapat membuat keputusan dengan pemikiran rasional.
- \_\_\_\_\_ penyalahgunaan bahan di sekolah merupakan langkah awal bagi membendung masalah penyalahgunaan bahan dalam kalangan murid.
- Hubungan kekeluargaan dan \_\_\_\_\_ memainkan peranan penting dalam memastikan ahli keluarga tidak terjebak dalam masalah penyalahgunaan bahan.
- Pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan boleh memainkan peranan dalam usaha mengurangkan masalah penyalahgunaan bahan melalui program, \_\_\_\_\_, motivasi serta hebahan media cetak dan sosial.

|                  |                                              |                                    |
|------------------|----------------------------------------------|------------------------------------|
| Cadangan jawapan | interpersonal<br>Pendidikan<br>minda positif | Kesedaran diri<br>kempen kesedaran |
|------------------|----------------------------------------------|------------------------------------|